

26 MAR 1997

PELABURAN JERMAN AKAN CAPAI RM6 BILION DALAM MASA DUA TAHUN

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Pelaburan oleh syarikat-syarikat Jerman di Malaysia dijangka melonjak ke angka RM6 bilion dalam masa dua tahun akan datang dan pembuat perisian BASF sahaja merancang pelaburan RM1.2 bilion, kata duta besar Jerman di Malaysia, Harald-Norbert Nestroy.

BASF adalah antara 200 firma Jerman yang mempunyai kemudahan pembuatan di Malaysia dengan hasil pengeluaran untuk pasaran tempatan dan luar negeri.

Nestroy memberitahu persidangan berita bersempena dengan jadual lawatan presiden Jerman Prof.Dr Roman Herzog bahawa pertumbuhan pesat Malaysia lebih sedekad lalu dan prospek yang lebih baik bagi ekonomi dunia, lebih banyak pelaburan Jerman di Malaysia boleh diharapkan.

Beliau menambah kata bahawa kira-kira RM1.617 bilion telahpun dilaburkan di Malaysia dalam tempoh 1980 hingga 1996.

Presiden Herzog akan tiba di sini pada 1 April untuk lawatan lima hari bertujuan meningkatkan kerjasama dua hala antara Jerman dan Malaysia.

Beliau akan disertai isterinya Christine, 100 pegawai Jerman dan 26 orang wartawan.

Perwakilan itu akan termasuk tiga tokoh ternama - Presiden FC Bayern Munich Franz Beckenbauer, anggota Parlimen Eropah Prof.Dr Klaus Hansch dan ahli teologi Jerman, Prof.Dr Hans Kung.

Nestroy berkata Jerman menggalakkan ahli-ahli perniagaannya untuk beroperasi di Malaysia kerana langkah itu akan memberikan kepada mereka pengalaman dan pengetahuan mengurus niaga selain untuk mengeksport keluaran mereka ke negara ketiga seperti China.

Beliau berkata dagangan dua hala antara Jerman dan Malaysia tahun lepas berjumlah RM14 bilion.

Katanya eksport Malaysia ke Jerman untuk sembilan bulan pertama tahun lepas berjumlah DM3.41 bilion (RM5.02 bilion), berbanding dengan DM4.51 bilion (RM6.63 bilion) bagi seluruh tahun 1995.

Import dari Jerman dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun lepas berjumlah DM2.99 bilion (RM4.39 bilion), berbanding dengan DM4.09 bilion (RM6.01 bilion) bagi seluruh 1995.

Malaysia merupakan rakan dagang kelima terbesar Jerman.

Nestroy berkata firma-firma Jerman telah menyatakan minat mereka terhadap Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia dan pembekal sistem maklumat Siemen telah dipelawa oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyertai dalam projek itu.

"MSC merupakan sesuatu yang baru. Kami sedang merancang sesuatu yang hampir-hampir sama di bahagian tengah dan kawasan-kawasan luar bandar di Jerman," kata Nestroy. -- BERNAMA

DAB SIA